

Sains Tauhidik dalam Pembangunan Peradaban Melayu

Mohammad Hafiz Mad Rashid, Maslinda Wahab, & Kamarul Azmi Jasmi

Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia qamar@utm.my

Suggested Citation:

Mad Rashid, Mohammad Hafiz; Wahab, Maslinda; Jasmi, Kamarul Azmi (2018). Sains Tauhidik dalam Pembangunan Peradaban Melayu in *Prosiding Seminar Tamadun Islam 2018* pada 17hb. Ogos 2018 di Bilik Kuliah 6, Blok N28, UTM. Program anjuran Akademi Tamadun Islam, UTM, p. 153-170. ISBN: 978-967-2171-28-7.

Abstract

Sains merupakan salah satu cabang ilmu pengetahuan yang memainkan peranan penting untuk mencipta teknologi bagi mencapai kemajuan sesebuah negara. Ianya juga menjadi salah satu teras bagi pembentukan tamadun manusia. Sains Moden yang diamalkan pada hari ini dipekenalkan oleh Tamadun Barat, dimana ianya bersifat sekular dan liberal serta menolak doktrin metafizik dan agama. Oleh itu, pada masa kini, penekanan pembangunan sains mengikut kehendak dan pandangan agama Islam serta konsep ketuhanan sangat ditekankan. Sains Tauhidik adalah satu bidang sains yang berterasaskan konsep tauhid yang tidak memisahkan kegiatan sains daripada konsep ketuhanan. Konsep Sains Tauhidik mula diserapkan dalam pembangunan peradaban Melayu sebagai usaha ke arah membangunkan Tamadun Melayu mengikut landasan dan kerangka agama Islam. Kata Kunci: Sains Tauhidik, Teknologi, Peradaban Melayu

References

- Abdul Rashid, Shafiah, Mohd Norbi, Nur Irma Diyana, Khoo, Sioh Gee, *et al.* 2014. *Integrasi Pendidikan Sains Tauhidik Dalam Isu Penyalahgunaan Arak dan Alkohol*. Kertas Kerja dalam Prosiding Persidangan Antarabangsa Kelestarian Insan 2014 (INSAN). Batu Pahat, Johor.
- Ahmad, Zawawi. 1996. *Sains Dalam Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang, Ramli, Haron, Zulkifli, & Ripin, Mohd Nasir 2012. *Sains Tamadun Islam*. Skudai Johor: Penerbit UTM Press.
- Bakar, Osman. 1994. Mewujudkan Tamadun Ilmu Berlandaskan Tauhid. Dlm. Baharuddin Ahmad (Ed.), *Falsafah Sains daripada perspektif Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Danusiri, Danusiri. 2015. "Islam: Membentuk Sains dan Teknologi". *Jurnal Theologia*, 26(1), 31.
- Fakhri, Jamal. 2010. "Sains dan Teknologi dalam al-Qur'an dan Implikasinya dalam Pembelajaran". *Ta'dib: Journal of Islamic Education (Jurnal Pendidikan Islam)*, Vol 15(No 01), 121-142.
- Harun, Hairudin. 1992. *Daripada Sains Yunani kepada Sains Islam: Peranan dan Proses Penyerapan Sains Asing dalam Pembentukan Sains Islam Klasikal*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.
- Hasan, Ahmad. 1982. *at-Taubid*. Indonesia: CV Diponegoro.
- Ismail, Ahmad Munawar, & Jasmi, Kamarul Azmi. 2016. *Akidah dan Akhlak dalam Pendidikan Islam*. Skudai, Johor: Penerbit UTM Press.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2017. Matlamat Hidup. Dlm. Azmi Kamarul Jasmi (Ed.), *Ensiklopedia Pendidikan Islam*. Edisi ke-2 ed., hlm. 125-126. Skudai Johor: Fakulti Tamadun Islam UTM & Persatuan Cendekiawan Pendidikan Islam (Malaysia).
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2018. *Hidayah sebagai Anugerah yang Tidak Ternilai: Al-Fatihah (1: 1-7)*. Kertas Kerja dalam Budaya al-Quran 19hb. Julai 2018. Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2012. *Penyelidikan Kualitatif dalam Sains Sosial*. Kertas Kerja dalam Kursus Penyelidikan Kualitatif Siri 1 2012. Puteri Resort Melaka. http://eprints.utm.my/41090/2/KamarulAzmiJasmi2012_PenyelidikanKualitatifSainsSosial.pdf
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2016. *Pendidikan sebagai Medium Penerapan Islam dalam Sains dan Teknologi*. Kertas Kerja dalam Persidangan Islam dalam Sains dan Teknologi 2016 (PIST'16). Dewan Senat, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai Johor.
- Jasmi, Kamarul Azmi, Ahamed, Azmi Maricar, & Mohd Noor, Jawwal Miqdam. 2015. Mahasiswa dan Matlamat Hidup. Dlm. Kamarul Azmi Jasmi (Ed.), *Mahasiswa & Kehidupan Menurut Perpektif Islam: Asas Pembangunan Mahasiswa*. Skudai, Johor Bahru: Penerbit UTM Press.
- Jasmi, Kamarul Azmi, & Tamuri, Ab. Halim. 2011. *Dasar Akidah Muslim*. Johor: Penerbit UTM Press.
- Kamus Dewan. 2005. *Kamus Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Marican, Sabitha. 2005. *Kaedah Penyelidikan Sains Sosial*. Petaling Jaya, Selangor: Pearson Prentice Hall.

- Mohd Salleh, Khalijah. 2011. Sains Tauhidik dan Implikasi Terhadap Pendidikan *Pendidikan Sains Berteraskan Tauhid Malaysia*. Bangi, Selangor: Institut Islam Hadhari.
- Mohd Salleh, Khalijah, & Othman, Mohd Yusof. 2009. *Sains Tauhidik Sebagai Satu Kursus STPD*. Kertas Kerja dalam Seminar Pendidikan Sains Teknologi Maklumat (SteM '09). Fakulti Sains dan Teknologi, UKM dan Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat.
- Mohd. Zain, Akhmal 2015. *Asas Pengetahuan Agama Islam: Tauhid, Fiqh & Akhlak*. Batu Caves: Al-Hidayah Publisher.
- Nisa', Ririn Choirun, Rahma, Widya, & Chotima, Kusnul. 2014. *Pendidikan Sains dan Teknologi dalam al-Qur'an dan Hadits*. Universitas Islam Negeri Sunan Ampel, Surabaya, Indonesia: Fakultas Ilmu Tarbiyah Dan Keguruan Jurusan Pendidikan Agama Islam Surabaya.
- Nor, Zainal Sayani Amin. 2013. *Ilmu Tauhid*. Selangor: Must Read Sdn Bhd.
- Othman, Mohd Yusof. 2010. *Etika dalam Sains: Tauhidik Berbanding Sekular*. Kertas Kerja dalam Prosiding Bengkel Pengajaran Sains Tauhidik, Kumpulan Penyelidikan Membina Graduan Penyelidikan dalam Sains dan Teknologi. Falkulti Sains dan Teknologi, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Othman, Mohd Yusof. 2014. *Pengenalan Sains Tauhidik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Othman, Mohd Yusof. 2016. *Sains dari Perspektif al-Quran*. Bangi, Selangor: Penerbit UKM.
- Othman, Mohd Yusof 2014. Sains Islam: Mengimbu Zaman Silam, Meneroka Masa Depan *Pendidikan Sains Berteraskan Tauhid*. Bangi: Penerbit UKM.
- Samian, Abdul Latif 2016. *Permasalahan Melayu*. Kertas Kerja dalam Wacana Institut Alam dan Tamadun Melayu. Universiti Kebangsaan.
- Sobian, Azrina. 2014. *Sains dan Nilai*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).

12

SAINS TAUHIDIK DALAM PEMBANGUNAN PERADABAN MELAYU

Mohammad Hafiz Mad Rashid
Maslinda Wahab
Kamarul Azmi Jasmi

Abstrak

Sains merupakan salah satu cabang ilmu pengetahuan yang memainkan peranan penting untuk mencipta teknologi bagi mencapai kemajuan sesebuah negara. Ianya juga menjadi salah satu teras bagi pembentukan tamadun manusia. Sains Moden yang diamalkan pada hari ini dipekenalkan oleh Tamadun Barat, dimana ianya bersifat sekular dan liberal serta menolak doktrin metafizik dan agama. Oleh itu, pada masa kini, penekanan pembangunan sains mengikut kehendak dan pandangan agama Islam serta konsep ketuhanan sangat ditekankan. Sains Tauhidik adalah satu bidang sains yang berteraskan konsep tauhid yang tidak memisahkan kegiatan sains daripada konsep ketuhanan. Konsep Sains Tauhidik mula diserapkan dalam pembangunan peradaban Melayu sebagai usaha ke arah membangunkan Tamadun Melayu mengikut landasan dan kerangka agama Islam.

Kata Kunci: *Sains Tauhidik, Teknologi, Peradaban Melayu*

PENGENALAN

Dalam kertas kerja ini penulis akan membincangkan tentang definisi sains, definisi sains moden, definisi tauhid, definisi sains tauhidik, langkah pengislaman ilmu melalui pendekatan sains tauhidik, serta sains tauhidik dalam pembangunan peradaban Melayu.

DEFINISI SAINS

Sains berdasarkan Kamus Dewan (2005) ialah kajian secara bersistematik berdasarkan kepada pencerapan dan eksperimen. Sains boleh juga didefinisikan sebagai satu ilmu yang dihasilkan melalui analisa menggunakan

pancaindera serta fahaman yang lahir dari pemikirannya sendiri serta dapat diterima oleh akal.

Ringkasnya sains adalah ilmu yang diperolehi secara sistematik yang dapat dibuktikan secara objektif oleh deria. Sains merupakan bidang ilmu yang melibatkan aktiviti penyelidikan untuk mencipta dan menghasilkan penemuan baru bagi manfaat kehidupan manusia dari pelbagai sudut seperti perubatan, komunikasi, pertanian serta bidang yang lain (Jasmi, 2012, 2016; Ahmad, 1996; Awang *et al.*, 2012; Danusiri, 2015; Fakhri, 2010; Harun, 1992; Marican, 2005; Nisa' *et al.*, 2014).

DEFINASI SAINS MODEN

Sains Moden lazimnya ditakrifkan sebagai cabang ilmu pengetahuan bagi mengkaji fakta yang dicerap dan disusun secara bersistem kemudiannya dihipunkan dalam bentuk hukum saintifik yang umum. Tamadun Barat mengolah Sains Moden menjadi sains sekular dan liberal yang bersendikan sistem falsafah logikal sekular yang menutup kebenaran al-Quran dan sunah sebagai asas dan digantikan kepada fakta saintifik. Sains yang berteraskan konsep sekular ini membawa penyampaian isi pengetahuan berkaitan sains terhad kepada ilmu akal sahaja tanpa dikaitkan dengan aspek agama dan ketauhidan Allah SWT. Hal ini membawa maksud bahawa pandangan hidup Sains Barat meletakkan bahawa sains adalah bebas nilai (Sobian, 2014).

DEFINASI TAUHID

Tauhid pada istilah mengetahui dengan sebenarnya bahawa kewujudan Allah SWT yang Maha Esa. Manakala definasi dari segi bahasa pula merupakan satu ilmu yang membentangkan tentang wujudnya Allah dan membuktikan kerasuan para rasul-Nya dengan sifat yang wajib, mustahil dan harus (Jasmi & Tamuri, 2011; Ismail & Jasmi, 2016; Mohd. Zain, 2015; Nor, 2013; Bakar, 1994; Hasan, 1982). Tauhid juga merupakan ilmu yang menerangkan hukum syarak dalam bidang i'tiqad dan membalas segala hujah terhadap kewujudan dan ketuhanan Allah SWT yang Maha Esa berdasarkan kepada ketetapan akal, al-Quran dan hadis. Konsep tauhid dalam Islam dijelmakan melalui firman Allah SWT berikut:

قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ ① اللَّهُ الصَّمَدُ ② لَمْ يَلِدْ وَلَمْ يُولَدْ ③ وَ لَمْ يَكُنْ لَهُ كُفُوًا أَحَدٌ ④

Maksud: *Katakanlah (wahai Muhammad): "(Tuhanku) ialah Allah Yang Maha Esa; (1) Allah Yang menjadi tumpuan sekalian makhluk untuk memohon sebarang hajat; (2) Ia tiada beranak, dan Ia pula tidak diperanakan; (3) Dan tidak ada sesiapaupun yang serupa denganNya."* (4)

(Surah *al-Ikhlās*, 112: 1-4)

Setiap Muslim seharusnya percaya akan kewujudan Tuhan sekalian alam yang menciptakan segala apa yang ada di langit dan di bumi, iaitu Allah SWT (Jasmi, 2018). Kewujudan Allah SWT tidak boleh disangkal kerana terdapat banyak bukti akan kewujudan-Nya. Hal ini sebagaimana perintah Allah SWT agar umat manusia melihat alam untuk membuktikan kewujudannya. Firman-Nya:

وَمِنْ آيَاتِهِ أَنْ خَلَقَكُمْ مِنْ تُرَابٍ ثُمَّ إِذَا أَنْتُمْ بَشَرٌ
تَنْتَشِرُونَ ﴿٢٠﴾ وَمِنْ آيَاتِهِ أَنْ خَلَقَ لَكُمْ مِنْ أَنْفُسِكُمْ
أَزْوَاجًا لِتَسْكُنُوا إِلَيْهَا وَجَعَلَ بَيْنَكُمْ مَوَدَّةً وَرَحْمَةً إِنَّ
فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ ﴿٢١﴾ وَمِنْ آيَاتِهِ خَلْقُ
السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَاخْتِلَافُ اللَّسَانِ وَالْوَلَوْنِكُمْ إِنَّ فِي
ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِلْعَالِمِينَ ﴿٢٢﴾ وَمِنْ آيَاتِهِ مَنَامُكُمْ بِاللَّيْلِ
وَالنَّهَارِ وَابْتِغَاؤُكُمْ مِنْ فَضْلِهِ إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ
لِقَوْمٍ يَسْمَعُونَ ﴿٢٣﴾ وَمِنْ آيَاتِهِ يُرِيكُمُ الْبَرْقَ خَوْفًا
وَطَمَعًا وَيُنزِلُ مِنَ السَّمَاءِ مَاءً فَيُحْيِي بِهِ الْأَرْضَ بَعْدَ
مَوْتِهَا إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِقَوْمٍ يَعْقِلُونَ ﴿٢٤﴾ وَمِنْ
آيَاتِهِ أَنْ تَقُومَ السَّمَاءُ وَالْأَرْضُ بِأَمْرِهِ ثُمَّ إِذَا دَعَاكُمْ دَعْوَةً مِّنَ

الْأَرْضِ إِذَا أَنْتُمْ تَخْرُجُونَ ﴿٢٥﴾ وَلَهُ مَن فِي السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ
كُلُّ لَّهُ وَقَيْنُونَ ﴿٢٦﴾

Maksud: Dan antara tanda yang membuktikan kekuasaan-Nya (menghidupkan kamu semula), bahwa Ia menciptakan kamu dari tanah; setelah sempurna sahaja peringkat kejadian kamu, kamu menjadi manusia yang hidup bertebaran di muka bumi. (20) Dan antara tanda yang membuktikan kekuasaannya dan rahmat-Nya, bahwa Ia menciptakan untuk kamu (wahai kaum lelaki), isteri dari jenis kamu sendiri, supaya kamu bersenang hati dan hidup mesra dengannya, dan dijadikan-Nya antara kamu (suami isteri) perasaan kasih sayang dan belas kasihan. Sesungguhnya yang demikian itu mengandung keterangan (yang menimbulkan kesadaran) bagi orang yang berfikir. (21) Dan antara tanda yang membuktikan kekuasaan-Nya dan kebijaksanaan-Nya ialah kejadian langit dan bumi, dan perbezaan bahasa kamu dan warna kulit kamu. Sesungguhnya yang demikian itu mengandung keterangan bagi orang yang berpengetahuan. (22) Dan antara tanda yang membuktikan kemurahannya dan kasih sayang-Nya ialah tidurnya kamu pada waktu malam dan pada siang hari, dan usaha kamu mencari rezeki dari limpah kurnia-Nya (pada kedua-dua waktu itu). Sesungguhnya keadaan yang demikian mengandung keterangan bagi orang yang mahu mendengar (nasihat pengajaran). (23) Dan antara tanda yang membuktikan kebesaran-Nya dan kekuasaan-Nya, Ia memperlihatkan kilat kepada kamu, untuk menakutkan (dari panahan petir) dan memberi harapan (dengan turunnya hujan); dan Ia menurunkan hujan dari langit, lalu Ia hidupkan bumi sesudah matinya dengan hujan itu. Sesungguhnya yang demikian mengandung keterangan bagi orang yang menggunakan akal untuk memahaminya. (24) Dan antara tanda yang membuktikan keluasan ilmu-Nya dan kekuasaan-Nya, ialah terdirinya langit dan bumi (dalam keadaan yang menakjubkan itu) dengan perintah dan penentuan takdir-Nya; akhirnya apabila Ia menyeru kamu dengan satu seruan (supaya kamu bangkit hidup semula) dari bumi, kamu dengan serta merta keluar (dari kubur masing-masing). (25) Dan sekalian makhluk yang ada di langit dan di bumi adalah hak kepunyaanNya, masing-masing tetap tunduk kepada hukum peraturanNya. (26)

(Surah *al-Rum*, 30: 20-26)

Jelas dalam ayat ini Allah SWT suruh melihat dan mengkaji alam yang ada disekeliling manusia bagi menghubungkan alam ini sebagai bukti kewujudannya dan bukan mengeneipikan kewujudannya seperti yang difahami oleh sains moden. Bukti kewujudan Allah SWT bukan hanya

diperakui dengan iman, malah terdapat banyak tanda yang dapat dibuktikan dengan kajian ilmiah atau sains akan wujudnya Tuhan yang maha Agung.

DEFINASI SAINS TAUHIDIK

Sains adalah medium untuk mencari jawapan kepada rahsia alam semesta dengan menggunakan akal fikirannya untuk mempelajari dan memerhatikan alam dalam usaha mengenal dan mendekati diri pada pencipta-Nya. Justeru, kerangka sains moden yang ada sekarang adalah bersifat sekular yang membelakangi agama yang terhad kepada ilmu akal sahaja tanpa dikaitkan dengan aspek ketauhidan Allah SWT. Hal ini menyebabkan wujudnya ketidakseimbangan dalam pembangunan sains. Oleh itu, para ilmuan Islam memainkan peranan penting dalam usaha mengembalikan sains ke tempatnya melalui wahana agama Islam yang sebenar. Sains yang bertepatan dengan lunas yang digariskan oleh Allah SWT melalui kitab suci junjungan mulia adalah lebih sempurna dan mungkin tidak mampu ditandingi dan disaingi oleh sains yang terhasil daripada logikal akal fikiran semata-mata.

Apakah itu Sains Tauhidik? Ianya adalah sains berteraskan konsep tauhid yang pada dasarnya adalah konsep ketuhanan. Kita sentiasa menggabungkan sains dan agama dan tidak lagi memisahkan kegiatan sains daripada konsep ketuhanan.

Usaha pengislaman sains menurut pemikiran Othman, Mohd Yusof (2014) yang merupakan antara insan penting dalam dunia pendidikan sains di Malaysia menekankan Sains Tauhidik sebagai jawapan serta menjadi satu kaedah pendekatan kepada proses pengislaman sains. Oleh itu, Sains Islam dan Sains Tauhidik tidak mempunyai perbezaan yang ketara, malah memainkan peranan yang amat penting dalam memperkasakan gagasan pegislaman ilmu sains. Sains Tauhidik yang diajukan oleh Mohd Yusof Othman adalah pendekatan pengislaman ilmu yang sama dengan Sains Islam yang diketengahkan oleh Ismail Al-Faruqi.

Sains Tauhidik ialah pengetahuan yang menjelaskan fenomena tabii alam serta makna yang terkandung dalam fenomena alam yang dikaji dan hubungannya dengan yang Maha Mencipta. Konsep utama yang menjadi asas pemahaman dan penekanan Sains Tauhidik adalah konsep tauhid yang merujuk konsep ketuhanan. Konsep ketuhanan pada Sains Tauhidik diperincikan dan dihujahkan tentang keEsaan Allah SWT dalam mengatur perjalanan tabii alam yang bukannya berlaku secara sendiri.

Dalam Sains Tauhidik, bukan hanya untuk mengenali tabii alam dan mengaplikasi ilmu diperolehi tetapi lebih mengenal Allah SWT supaya menjadi hamba yang bersyukur dan bertakwa kepada penciptanya yang maha Esa. Tauhidik in ditakrifkan sebagai konsep ketuhanan dalam

Islam yang mempercayai keEsaan Allah SWT serta tiada sekutu baginya. Oleh itu, perkara yang mendasari pemikiran Sains Tauhidik adalah kepercayaan tentang wujudnya Tuhan sebagai pencipta alam. Kerangka Sains Tauhidik ini mempunyai lima entiti utama, iaitu Tuhan sebagai pencipta, entiti manusia sebagai khalifah Allah, entiti alam, entiti al-Quran sebagai kalam Allah SWT dan entiti sunah daripada Rasulullah SAW.

PENGLISAMAN ILMU MELALUI PENDEKATAN SAINS TAUHIDIK

Ilmu Islam melangkaui segala bidang dan cabang, antaranya adalah ilmu sains, iaitu ilmu dalam bidang fizik. Sains adalah suatu ilmu yang dapat dibuktikan dengan fakta serta bersifat logik, mantik, dan boleh dikembangkan lagi penyampaian dan huraian ilmu ini dengan kebergantungan kepada sang Pencipta ilmu. Perbincangan mengenai langkah untuk merealisasikan usaha pengislaman ilmu melalui pendekatan dan penjenamaan sains tauhidik diperoleh daripada penulisan serta ucapan ilmuan atau tokoh agama antaranya ialah Mohd Yusof Othman. Beberapa langkah yang terkumpul ini disusun mengikut keutamaan dan pengkhususannya.

Penyeneraian ini menggambarkan pemikiran beliau untuk membentuk sains yang terpelihara sifat asasnya yang rasional. Penentu yang menjadikannya rasional hanyalah Tuhan yang mencipta dan yang menetapkan segala ketetapan yang dianggap semula jadi oleh ilmuan yang mengenyepikan peranan Tuhan dalam membangunkan pengetahuan sains. Langkah yang tersenarai merupakan suatu ikhtiar untuk menyemarak dan menjadikan agenda pengislaman ilmu terlaksana tanpa menafikan peranan Pencipta dan peranan sains dalam memajukan umat manusia. Langkah yang perlu ada untuk menyahut seruan pengislaman sains melalui pendekatan sains tauhidik dengan asas berikut, iaitu memperakui dan menerima kehadiran Tuhan sebagai pencipta; memahami tiga jenis hubungan; mencerap fenomena tabii secara sistematik, mantik dan objektif; memahami dan memasukkan konsep sains tauhidik beretika serta menilai dan menapis sains kontemporari; memperkenalkan subjek sejarah sains supaya masyarakat mengetahui bahawa sains bukan bermula dari Barat; memperkenalkan subjek Falsafah Sains supaya masyarakat mengetahui bahawa sains lahir daripada tuntutan hidup manusia; memperkenalkan subjek etika dalam amalan sains; mengajarkan sains dalam bahasa Melayu agar mudah difahami oleh setiap warga Malaysia.

Memperakui dan Menerima Kehadiran Tuhan sebagai Pencipta

Kewajipan pertama umat manusia yang hidup di atas muka bumi ciptaan Allah adalah mengenali dan beriman dengan-Nya. Sekiranya manusia

tidak mengenali Pemiliknya, maka mereka akan hidup dalam keadaan tiada tujuan hidup tanpa mengetahui kenapa mereka diwujudkan (Jasmi et al., 2015; Jasmi, 2017). Manusia sebegini akan terus melakukan kebinasaan di dunia dengan perbuatan dan tindakannya yang buruk kerana mereka tidak pernah bekerja untuk mendapat keredaan Tuhan. Langkah ini merupakan langkah yang paling utama dan menjadi syarat yang wajib ditetapkan dalam hati setiap individu muslim sebelum memulakan kerja sains. Bukan hanya dalam kerja sains, bahkan dalam segala urusan kehidupan, manusia.

Mereka perlu meletakkan Allah sebagai Pencipta di kedudukan yang tertinggi dan berkuasa melakukan segala sesuatu walaupun tidak mampu difikir oleh kudrat akal manusia yang terbatas. Pengakuan ini menjadi titik tolak kepada pegangan insan yang beragama. Tauhid merupakan asas akidah umat Islam yang mengEsakan Allah, bersesuaian dengan perkataan Tauhidik yang disandarkan kepada perkataan sains yang merujuk kepada kata sifat, maka sains Tauhidik menginginkan umatnya agar menetapkan niat atas segala tindakan dan matlamat untuk mendapat keredaan Allah (Mohd Salleh & Othman, 2009).

Memahami Tiga jenis hubungan

Kehidupan manusia dalam dunia ini mempunyai tiga hubungan yang penting, iaitu hubungan Tuhan dan alam, hubungan Tuhan dan manusia, dan hubungan manusia dengan alam. Hubungan-hubungan ini perlu difahami mengikut cita rasa Islam yang menjadikan al-Quran dan sunah sebagai rujukan utama. Kerangka konsep sains tauhidik mempunyai lima entiti utama, iaitu Tuhan, manusia, alam, al-Quran dan sunah. Allah SWT selaku Pencipta memainkan peranan utama kepada makhluknya dalam meneruskan kehidupan. Kelima-lima entiti ini merupakan asas kepada pembinaan sains Tauhidik dan daripada entiti-entiti inilah yang membentuk hubungan antara mereka, iaitu alam, Pencipta dan manusia, manakala al-Quran dan sunah sebagai panduan kepada manusia. Hubungan-hubungan ini perlu difahamkan seperti yang dikehendaki oleh Islam. Tidak seperti ajaran Islam yang mementingkan hubungan antara Tuhan, alam dan manusia, sains konvensional hanya mementingkan dan memperluas hanya hubungan antara alam dan manusia sahaja (Othman, Mohd Yusof, 2014).

Mencerap Fenomena Tabii Secara Sistemik, Mantik, dan Objektif

Membangunkan pengetahuan sains melalui kemampuan untuk mencerap fenomena tabii alam secara sistemik, mantik, dan objektif dengan kaedah khusus yang diperantikan atau dibuat sedemikian, sehingga dapat

menumpukkan atau menambah pengetahuan tentang fenomena yang dicerap. Kaedah yang digunakan mestilah kaedah yang boleh dipercayai oleh orang ramai. Dalam analisis sains, kebolehpercayaan ini dapat dilakukan dengan menggunakan teori ralat; sama ada menggunakan analisis berangka, atau analisis secara graf.

Dalam usaha untuk mendapatkan suatu ilmu terutamanya sains, andaian atau premis tertentu perlu terlebih dahulu dibuat untuk menjadikan ilmu itu suatu yang relevan dan diterima. Ahli sains yang menjalankan kajian mereka perlu meletakkan andaian asas atau premis tertentu dalam pencerapan mereka. Andaian pertama yang biasanya digunakan oleh mereka dalam suatu sistem yang teratur dan terancang. Premis ini merupakan premis yang paling asas untuk memahami alam secara saintifik dan seterusnya membangunkan ilmu sains.

Manakala premis yang kedua, manusia perlu mempunyai kemampuan untuk berhujah dan memberi alasan yang rasional kepada setiap kejadian tabii alam yang mereka cerap. Premis-premis ini dibangunkan bersama langkah membangunkan sains mengikut cara Barat untuk memastikan pengetahuan sains mereka secara neutral atau bebas nilai. Langkah ini merupakan suatu langkah yang perlu untuk mencapai pengetahuan sains dari pemikiran barat kerana ia tidak melibatkan kemasyarakatan dan peranan Tuhan sebagai Pencipta ilmu.

Langkah ini disenaraikan sebagai antara langkah untuk membangunkan agenda pengislaman sains melalui pendekatan sains tauhidik mengikut pemikiran beliau kerana bagi beliau tidak menjadi suatu kesalahan bagi umat Islam untuk memahami sains menggunakan pendekatan Barat. Malah Islam amat menggalakkan umatnya memahami suatu fenomena alam yang Allah SWT jadikan secara tersusun dan terancang dan bukannya secara kebetulan. Langkah yang ketiga ini menjadi harmoni mengikut kehendak agama setelah melalui langkah yang sebelum dan selepas daripadanya (Mohd Salleh, 2011).

Memahami dan Memasukkan Konsep Sains Tauhidik beretika serta Menilai dan Menapis Sains Kontemporari

Oleh kerana sains tauhidik yang dibincangkan tidak menolak penggunaan atau cara untuk mendapatkan ilmu daripada cara yang disampaikan oleh Barat yang tidak melibatkan Pencipta dan nilai, selagi cara itu tidak menyimpang daripada ajaran agama, ilmu tersebut boleh diguna pakai dan disebar, maka konsep yang diterangkan oleh agama perlu dimasukkan dalam huraian sains untuk mengharmonikan sains agar bersesuaian dengan kehendak agama yang mentauhidkan Allah. Konsep yang digunakan dalam pengislaman sains amat jelas melalui sains tauhidik yang diajukkan oleh beliau.

Konsep utama yang menjadi asas dalam pembinaan dan pemahaman sains Tauhidik adalah konsep tauhid yang merujuk kepada konsep ketuhanan. Konsep ketuhanan yang diperlukan untuk membina sains tauhidik membincangkan tentang keEsaan Allah SWT dalam mengatur perjalanan alam. Namun begitu, konsep ini bukanlah satu-satunya konsep yang ada untuk memahami sains Tauhidik, tetapi Sains tauhidik perlu melibatkan sembilan, konsep tuhan, konsep khalifah, konsep insan, konsep ilmu, konsep alam, konsep kebijaksanaan, konsep adil dan konsep kebenaran (Othman, Mohd Yusof, 2014).

Memperkenalkan Subjek Sejarah Sains supaya Masyarakat Mengetahui Bahawa Sains Bukan Bermula dari Barat

Sains sebenarnya lahir bersama-sama dengan kehadiran manusia di muka bumi ini, dan peradaban Islam melahirkan sains yang mendahului Barat. Sejarah merupakan suatu ilmu yang mengkaji dan membincangkan suatu perkara yang berlaku pada zaman lampau yang mampu untuk menarik minat manusia untuk terus membangunkan wawasan diri dan menjadikan ia sebagai langkah awal untuk memulakan sesuatu perancangan tertentu. Ilmu sains yang disampaikan dalam sistem pendidikan kini terutamanya di Malaysia, kebanyakannya hanya menaikkan dan menonjolkan nama ilmuan Barat sebagai ilmuan awal yang memperkenalkan suatu ilmu sains, sedangkan sains tersebut lebih awal diperkenalkan oleh ilmuan daripada zaman sebelumnya.

Tektik ini digunakan oleh Barat untuk manusia terus mengangkat dan menyanjung mereka. Maka kajian sejarah sebenar serta penyampaiannya harus dilakukan dengan teliti agar penemuan, pembangunan tamadun serta sains yang terbentuk dapat diketahui dengan jelas agar dapat memberikan pedoman kepada manusia dan kembali kepada yang Haq, serta sedar daripada terus mengagung-agungkan sains Barat dan melenyapkan kenyataan sejarah yang sebenarnya (Othman, Mohd Yusof 2014).

Memperkenalkan Subjek Falsafah Sains supaya Masyarakat Mengetahui Bahawa Sains Lahir daripada Tuntutan Hidup Manusia

Sains juga lahir berdasarkan persepsi manusia terhadap hidup. Yang membangunkan sains ialah tasawur (pandangan alam manusia). Falsafah sains sekular ialah falsafah yang tidak mengambil kira ajaran agama dan budaya. Maka ini perlu diperbetulkan agar ia bersesuaian dengan kehendak agama. Subjek sejarah dan falsafah sains yang sebenarnya bakal menyedarkan masyarakat tentang kepentingan sains.

Memperkenalkan Subjek Etika dalam Amalan Sains

Subjek itu pula perlulah meliputi konsep adab, akhlak dan maratib (ketertiban) atau keutamaan. Subjek ini diperkenalkan kepada para pelajar untuk meletakkan perkara asas dalam pemahaman pelajar kepada sains agar mereka mampu membuat pertimbangan sendiri di atas setiap ilmu yang diterima oleh mereka terutamanya sains. Subjek etika ini perlu diperkenalkan atas nilai ketuhanan. Nilai ketuhanan ini lahir daripada kepercayaan yang bersungguh-sungguh daripada ahli sains bahawa Allah SWT itu Maha Berkuasa dan Maha Menjadikan. Manakala saintis tauhidik membentuk pemikiran seorang sarjana sains yang dapat menzahirkan konsep ketuhanan dalam dirinya dalam beliau berinteraksi dengan segala aktiviti sains.

Mohd Yusof menekankan etika Islam perlu diterapkan dalam membangunkan sains. Etika Islam lebih sinonim dengan sebutan adab dan akhlak yang menjadi tatacara manusia yang diterima oleh Islam dalam menjalani kehidupan seharian. Perbezaan asas antara sains yang bersifat ketuhanan yang beliau gelarkan dengan sains Tauhidik dengan sains sekular adalah terletak kepada etika yang mereka amalkan dalam membangunkan sains dan teknologi mereka. Oleh kerana sains moden yang dibangunkan hari ini dibentuk dalam tamadun barat yang tidak beretika dengan etika ketuhanan, maka sains ini menyumbang kepada kemusnahan alam hasil daripada kerakusan manusia mengeksploitasi alam untuk kepentingan tertentu semata-mata.

Sains yang sekian lama terpisah daripada sistem nilai perlu disatukan semula dengan etika Islam agar sains yang terbentuk diterima sekali gus oleh agama dan sains sendiri. Agama Islam merupakan agama yang mewajibkan umatnya mengaplikasi dan mematuhi aturan Islam dalam semua pekerjaan dan tindak tanduk manusia. Justeru, umat Islam perlu berusaha memikirkan langkah agar agama, sains dan falsafah yang selama ini terpisah sejak zaman kegemilangan tamadun Barat ini ditapis, dihubung jalin dan diharmonikan semula.

Begitu juga dengan sains dan etika yang boleh menstabilkan kehendak sains dan kehendak jiwa manusia yang memerlukan kepada adab bertuhan dalam mengendalikan sains dan kehidupan. Perkara ini bakal memberi kesan yang mendalam terhadap kesejahteraan keseluruhan umat manusia kerana perasaan tanggungjawab kepada Tuhan menjadi kayu ukur kepada setiap tindak tanduk mereka dalam membangunkan sains dan teknologi demi menuruskan kehidupan mereka (Othman, 2016).

Mengajarkan Sains dalam Bahasa Melayu Agar Mudah Difahami oleh setiap Warga Malaysia

Menurut Mohd Yusof juga, bahasa mempunyai hubungan yang cukup erat dengan sistem berfikir seseorang. Berfikir tidak boleh dipisahkan

dengan bahasa yang dengannya pemikir dapat berfikir. Justeru, langkah yang kelapan ini lebih menumpukan kepada penyediaan sistem pendidikan sains di Malaysia yang perlu menggunakan Bahasa Melayu. Untuk membangunkan sains dan teknologi dalam budaya di Malaysia dengan budaya Melayu sebagai terasnya, maka penyampaian ilmu sains perlu dilakukan dengan perantaraan bahasa Melayu. Bagi beliau lagi, sains dan teknologi tidak boleh dibangunkan terpisah dengan citarasa dan aspirasi umat, dengan kata lain, sains dan teknologi perlu dibangunkan dalam acuan sendiri melalui bahasa, budaya dan cita rasa sendiri.

Langkah ini juga lama dititik beratkan oleh Ungku Omar melalui penulisannya sejak tahun 1958 lagi. Bagi Ungku Omar (1958) pentingnya bahasa Inggeris diganti kepada bahasa Melayu demi mencapai kemajuan dan kesihatan bangsa. Beliau menerangkan tentang kemunduran masyarakat Melayu pada waktu itu berpunca daripada kurangnya ilmu pengetahuan dan kurangnya ilmu pengetahuan berpunca daripada kelemahan mereka memahami bahasa Inggeris. Seandainya segala urusan di negara ini termasuk pendidikan menggunakan Bahasa Melayu, masalah kemunduran mampu untuk dikurangkan kerana mereka memahami ilmu dengan sewajarnya.

Isu bahasa ini bukanlah isu yang baru dipertahankan oleh pihak tertentu yang kebanyakannya terdiri daripada para ilmuan. Isu ini menjadi agenda penting untuk membangunkan masyarakat Melayu yang berilmu, bahkan usaha ini juga mengembalikan kegemilangan bahasa Melayu yang kian dipandang mudah oleh sesetengah pihak yang terlalu mengagungkan bahasa penjajah. Cogan kata 'Bahasa Jiwa Bangsa' tidak bertepatan kepada masyarakat Melayu jika pendidikan yang disediakan menafikan peranan dan kebolehan bahasa Melayu dalam menyampaikan ilmu untuk memberikan kefahaman yang jitu kepada mereka. Pendek kata, jika ilmu sains hanya mampu disampaikan dalam bahasa Inggeris, mereka yang kurang penguasaan Bahasa Inggeris tentu sekali akan ketinggalan dalam memahami sains.

Justeru, ini bukan hanya merugikan diri pelajar tersebut bahkan merugikan negara. Mungkin ada yang berpendapat bahawa ini merupakan isu lama dan masyarakat Malaysia sudah mampu menguasai bahasa Inggeris dengan baik untuk menguasai ilmu terutamanya sains. Pendapat ini hanya pandangan yang membuta tuli tanpa melihat kepada para pelajar dari golongan bawahan, kampung-kampung dan pedalaman yang masih memerlukan penggunaan bahasa yang mereka gunakan dalam pertuturan seharian sebagai bahasa menyampaikan ilmu dalam pendidikan mereka. Perkembangan bahasa dan kesusasteraan Melayu itu merupakan suatu aspek penting dalam proses pengislaman Kepulauan Melayu-Indonesia. Langkah ini, bukan hanya mampu mengangkat martabat Bahasa Melayu

sebagai bahasa yang layak untuk digunakan sebagai bahasa perantara dalam menyampaikan ilmu (Othman, 2010).

Bahkan perkara ini meraikan masyarakat terutamanya golongan bawahan yang berbangsa Melayu untuk menerima dan memahami ilmu sains dengan bahasa yang mereka fahami. Justeru, Malaysia mampu meningkatkan peratusan pelajar faham ilmu, sekali gus mengurangkan rasa rendah diri dalam kalangan mereka kerana tidak mampu menguasai ilmu hanya kerana tidak memahami sepenuhnya ilmu yang disampaikan dengan bahasa yang bukan menjadi bahasa pertuturan mereka seharian. Jika dilihat secara menyeluruh kepada langkah pengislaman ilmu melalui pendekatan sains Tauhidik ini, langkah pertama memegang konsep tauhid bersesuaian dengan penjenamaan Sains Tauhidik yang memerlukan sains disandarkan kepada Pencipta yang Maha Esa. Langkah pertama ini menjadi suatu tapisan awal kepada langkah seterusnya dalam membangunkan sains yang bersesuaian dengan kehendak Islam.

Manakala langkah kedua yang mementingkan hubungan antara Pencipta, manusia dan alam merupakan hubungan yang mendorong kepada manusia tahu dan faham akan peranan antara makhluk dan Pencipta. Langkah ketiga yang menerangkan cara-cara memperoleh ilmu sains yang menunjukkan kepada kita bahawa jika sains tidak melalui sistem tapisan agama, maka manusia akan terus hanyut dalam dunia rasional tanpa mempedulikan agama dan kemanusiaan yang lebih bersifat subjektif. Langkah ini tidak melibatkan peranan agama dan budaya, dan digunakan hanya untuk memahami tabii alam semata-mata, ilmu sains yang diperoleh melalui cara ini perlu melalui tapisan agama terlebih dahulu dengan melalui langkah satu dan langkah dua sebelum ilmu sains tersebut perlu diterima, ditolak atau diubahsuai mengikut kesesuaian dan penerimaan agama Islam.

Ilmu sains yang diterima setelah melalui langkah satu, dua dan tiga diterapkan dengan konsep Islam yang diutarakan oleh Mohd Yusof untuk membentuk jiwa manusia yang yakin dengan setiap ketentuan yang dirangcang oleh Tuhan sebagai sebaik-baik Perancang.

Langkah kelima keenam dan ketujuh lebih menumpukan kepada sistem pendidikan yang perlu dilaksanakan oleh pihak yang bertanggungjawab dalam pendidikan di Malaysia. Mereka harus menjadikan saranan yang terdapat dalam ketiga-tiga langkah ini sebagai suatu silibus wajib bagi sekurang-kurangnya semua sekolah di peringkat menengah dan pusat pengajian tinggi. Pendedahan sejarah dan falsafah sains ini bertujuan membentuk jiwa pelajar yang yakin dengan masa depan sains Islam kerana sains adalah antara ilmu yang giat diasas dan dibangunkan di zaman kegemilangan Islam terutamanya pada tahun 700 Masihi sehinggalah 1350 Masihi.

Langkah ini seterusnya bakal memupuk minat pelajar untuk terus mendalami sains Islam dan seterusnya memperjuangkannya sehingga sains Islam mampu menggantikan dan menguburkan sains yang terbentuk dalam acuan Barat. Manakala langkah yang terakhir yang menjadi perkara yang seringkali dititik beratkan oleh Mohd Yusof dalam kebanyakan penulisan dan ucapan beliau adalah suatu langkah untuk memberikan kefahaman yang sebenar terutamanya kepada para pelajar tentang suatu yang mereka pelajari melalui penggunaan atau perantaraan bahasa yang difahami oleh mereka. Langkah yang pernah diungkapkan oleh Mohd Yusof melalui lisan dan penulisan beliau dalam usaha untuk menyemarakkan agenda pengislaman ilmu melalui pendekatan sains Tauhidik berusaha untuk mencapai objektif yang sepatutnya perlu dicapai bagi mengembangkan usaha pengislaman sains.

Langkah pertama dan kedua adalah untuk memenuhi fitrah manusia yang bertuhan dan sentiasa bertanggungjawab kepada Allah dalam melakukan segala pekerjaan bagi menjamin pekerjaan yang bukan hanya bermanfaat untuk kehidupan manusia dan alam semata-mata, namun mampu memperoleh keredhaan Allah. Objektif bagi langkah ketiga adalah untuk manusia menguasai disiplin serta metodologi ilmu sains moden yang ada pada hari ini. Manakala gabungan langkah pertama, kedua, ketiga dan keempat lebih menjurus kepada objektif untuk menentukan kebolehterimaan Islam terhadap ilmu sains moden. Manakala langkah kelima, keenam dan ketujuh adalah untuk mencapai objektif kesedaran manusia dalam bahagian pendidikan tentang pembangunan sains melalui hubungkait khazanah pembangunan ilmu dalam peradaban manusia terutamanya zaman kegemilangan Islam dengan ilmu sains moden. Langkah kelapan adalah untuk mencapai objektif agar manusia memahami sains secara tepat melalui perantaraan bahasa yang mampu difahami secara keseluruhannya (Abdul Rashid *et al.*, 2014).

SAINS TAUHIDIK DALAM PERADABAN MELAYU

Melayu merujuk kepada seseorang yang bertutur bahasa Melayu dan mengamalkan adat resam orang Melayu serta lazimnya menganuti agama Islam. Samian (2016) mendefinisikan orang Melayu sebagai orang awal dan keturunan mereka yang berkerajaan Di Asia Tenggara dan kawasan sekitarnya. Manakala pada masa penggubalan Perlembagaan Persekutuan dan kemerdekaan, dalam Perkara 160, Perlembagaan Malaysia, istilah Orang Melayu bermaksud seseorang yang bertutur dalam bahasa Melayu, mengamalkan adat istiadat Melayu dan beragama Islam dijadikan panduan & kaedah bagi merujuk kepada warganegara Persekutuan Tanah Melayu. Di Malaysia, orang Melayu merupakan penduduk majoriti daripada

keseluruhan jumlah penduduk Malaysia dan secara umum dikenali sebagai bangsa Melayu

Kajian mendapati tamadun Melayu bertapak di Asia Tenggara sejak 5000 tahun dahulu. Tamadun Melayu merupakan satu tamadun yang terhasil melalui pendudukan oleh sekumpulan manusia yang diantaranya adalah daripada orang-orang Melayu sendiri yang menetap dalam suatu kawasan di Asia Tenggara yang dikenali dengan pelbagai nama atau gelaran seperti gugusan kepulauan Melayu, Tanah Jawi, Gugusan Kepulauan Melayu-Indonesia, Alam Melayu dan Nusantara. Kemunculan tamadun dan masyarakat Melayu pada mulanya berteraskan penguasaan pertanian dan dengan perubahan teknologi mereka mula mempunyai tempat tinggal dan mengamalkan pertanian yang tetap. Selain itu juga, penguasaan laluan perdagangan dan penguasaan teknologi maritim juga merupakan faktor kemunculan tamadun Melayu awal yang pada masa itu sebelum kedatangan Islam. Kesan dari kedatangan Islam membentuk tamadun Melayu baru dengan kemunculannya pusat keintelektualan dan persuratan Melayu yang melahirkan tokoh alim ulama. Terdapat dua elemen penting yang mewarnai tamadun Melayu, iaitu bahasa Melayu dan agama Islam.

Pemantapan jati diri bangsa Melayu amatlah ditekankan dan diperkukuhkan melalui saluran pendidikan formal dan juga warisan turun-temurun. Oleh itu, dalam usaha untuk mengembangkan tamadun melalui pemeraksanaan jati diri bangsa Melayu yang beragama Islam melalui saluran pendidikan, pentingnya penyampaian ilmu sains yang berlandaskan ajaran Islam ditekankan. Namun begitu, jika kita lihat pada situasi hari ini, sistem pendidikan rasmi negara masih menggunakan ilmu sains yang melalui proses pengsekularan dari tamadun Barat yang membawa pengaruh kuat kepada tamadun Melayu. Ilmu Sains Tauhidik yang berteraskan konsep ketuhanan merupakan salah satu usaha mengembalikan sains ketempatnya yang dipesong oleh ideologi tamadun Barat seperti sekularisme yang menyumbang kepada keterpisahan antara sains dan agama.

Kemunculan tokoh sarjana Melayu Islam tempatan menterjemahkan sains berasaskan agama Islam ke dalam bentuk yang lebih konkrit. Mohd Yusof Othman merupakan antara salah seorang sarjana Melayu Islam yang menjadi insan penting dalam dunia pendidikan sains yang mengemukakan beberapa cadangan untuk membangunkan sains Tauhidik. Beliau mengajukan sains Tauhidik sebagai jawapan dan suatu pendekatan kepada proses pengislaman sains. Sains Tauhidik akan menjelaskan makna yang terkandung dalam alam tabii dan hubungan dengan Maha Pencipta, iaitu Allah SWT. Penciptaan sains dan teknologi berteraskan fahaman Islam adalah bagi menyeimbangkan antara keperluan pembangunan material dan spiritual berteraskan agama Islam. Pengagungan sains Barat serta penciptaan sains teknologi tanpa roh kerohanian yang menolak agama hanya akan

mengancam pembangunan yang lebih holistic yang diimpikan oleh orang Islam dikalangan masyarakat Melayu.

Sejarah tamadun Melayu pula tersebar kerana peranan bahasa Melayu pada itu sebagai medium penyebaran agama Islam yang dibantu dengan huruf jawi menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa dalam kitab-kitab agama dan bahasa karya satera. Selain itu juga, bahasa Melayu menjadi media komunikasi para pendakwah menyampaikan dakwah dan para pedagang yang berdagang di Tanah Melayu. Berdasar sejarah tersebut, bahasa Melayu diangkat sebagai bahasa Kebangsaan Malaysia. Oleh itu, penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa yang mampu digunakan dalam penyampaian ilmu Sains Tauhidik dalam peradaban Melayu perlu diambil berat. Perkara ini penting bagi memastikan sains berasaskan Islam yang diajar kepada masyarakat Melayu serta masyarakat Malaysia dapat disampaikan dalam bahasa yang boleh diterima dan difahami oleh rakyat seluruhnya. Orang Melayu perlu berfikiran positif terhadap kemampuan bahasanya sendiri kerana bahasa Melayu mampu berkembang maju sebagai bahasa ilmu sekiranya masyarakat di negara kita menyokong penuh dasar memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dan bahasa perantaraan utama dalam sistem pendidikan negara di semua peringkat, iaitu peringkat rendah, menengah dan tinggi. Pemahaman mendalam ilmu sains ini menggunakan bahasa Melayu membantu masyarakat Malaysia menguasai sains dan teknologi untuk memastikan agenda pembangunan negara terlaksana. (Mohd Yusof (2009a).

RUMUSAN

Sains Tauhidik adalah usaha pengislaman ilmu sains supaya menjadi suatu bidang ilmu bagi melahirkan para cendekiawan dalam kalangan masyarakat Melayu yang dapat menghasilkan pelbagai rekaan dan penciptaan teknologi baru untuk kemajuan tamadun tanpa mengenyepikan agama dan sentiasa mengikut fitrah manusia sebagai khalifah Allah. Bangsa Melayu seharusnya mengamalkan ajaran Islam dalam urusan kehidupan seharian terutama sekali dalam bidang ilmu pendidikan supaya dapat mengelak terus berada dalam kepompong pemikiran Sains Barat. Ilmu sains Barat yang bertentangan dengan landasan ajaran Islam ditolak dan usaha pengembalian ilmu Sains yang mempunyai hubungan dengan Maha Mencipta mula diserapkan dalam masyarakat Melayu melalui sains Tauhidik supaya tamadun Melayu menjadi tamadun yang gemilang mengikut acuan Islam.

RUJUKAN

Abdul Rashid, Shafiah , Mohd Norbi, Nur Irma Diyana, Khoo, Sioh Gee, *et al.* 2014. *Integrasi Pendidikan Sains Tauhidik Dalam Isu Penyalahgunaan*

- Arak dan Alkohol*. Kertas Kerja dalam Prosiding Persidangan Antarabangsa Kelestarian Insan 2014 (INSAN). Batu Pahat, Johor.
- Ahmad, Zawawi. 1996. *Sains Dalam Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang, Ramli, Haron, Zulkifli, & Ripin, Mohd Nasir 2012. *Sains Tamadun Islam*. Skudai Johor: Penerbit UTM Press.
- Bakar, Osman. 1994. Mewujudkan Tamadun Ilmu Berlandaskan Tauhid. Dlm. Baharuddin Ahmad (Ed.), *Falsafah Sains daripada Perspektif Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Danusiri, Danusiri. 2015. "Islam: Membentuk Sains dan Teknologi". *Jurnal Theologia*, 26(1), 31.
- Fakhri, Jamal. 2010. "Sains dan Teknologi dalam al-Qur'an dan Implikasinya dalam Pembelajaran". *Ta'dib: Journal of Islamic Education (Jurnal Pendidikan Islam)*, Vol 15(No 01), 121-142.
- Harun, Hairudin. 1992. *Daripada Sains Yunani kepada Sains Islam: Peranan dan Proses Penyerapan Sains Asing dalam Pembentukan Sains Islam Klasikal*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.
- Hasan, Ahmad. 1982. *at-Ta'uhid*. Indonesia: CV Diponegoro.
- Ismail, Ahmad Munawar, & Jasmi, Kamarul Azmi. 2016. *Akidah dan Akhlak dalam Pendidikan Islam*. Skudai, Johor: Penerbit UTM Press.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2017. Matlamat Hidup. Dlm. Azmi Kamarul Jasmi (Ed.), *Ensiklopedia Pendidikan Islam*. Edisi ke-2 ed., hlm. 125-126. Skudai Johor: Fakulti Tamadun Islam UTM & Persatuan Cendekiawan Pendidikan Islam (Malaysia).
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2018. *Hidayah sebagai Anugerah yang Tidak Ternilai: Al-Fatihah (1: 1-7)*. Kertas Kerja dalam Budaya al-Quran 19hb. Julai 2018. Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2012. *Penyelidikan Kualitatif dalam Sains Sosial*. Kertas Kerja dalam Kursus Penyelidikan Kualitatif Siri 1 2012. Puteri Resort Melaka. http://eprints.utm.my/41090/2/KamarulAzmiJasmi2012_PenyelidikanKualitatifSainsSosial.pdf
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2016. *Pendidikan sebagai Medium Penerapan Islam dalam Sains dan Teknologi*. Kertas Kerja dalam Persidangan Islam dalam Sains dan Teknologi 2016 (PIST'16). Dewan Senat, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai Johor.
- Jasmi, Kamarul Azmi, Ahamed, Azmi Maricar, & Mohd Noor, Jawwal Miqdam. 2015. Mahasiswa dan Matlamat Hidup. Dlm. Kamarul Azmi Jasmi (Ed.), *Mahasiswa & Kehidupan Menurut Perpektif Islam: Asas Pembangunan Mahasiswa*. Skudai, Johor Bahru: Penerbit UTM Press.
- Jasmi, Kamarul Azmi, & Tamuri, Ab. Halim. 2011. *Dasar Akidah Muslim*. Johor: Penerbit UTM Press.
- Kamus Dewan. 2005. *Kamus Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Marican, Sabitha. 2005. *Kaedah Penyelidikan Sains Sosial*. Petaling Jaya, Selangor: Pearson Prentice Hall.

- Mohd Salleh, Khalijah. 2011. Sains Tauhidik dan Implikasi Terhadap Pendidikan *Pendidikan Sains Berteraskan Tauhid Malaysia*. Bangi, Selangor: Institut Islam Hadhari.
- Mohd Salleh, Khalijah, & Othman, Mohd Yusof. 2009. *Sains Tauhidik Sebagai Satu Kursus STPD*. Kertas Kerja dalam Seminar Pendidikan Sains Teknologi Maklumat (SteM '09). Fakulti Sains dan Teknologi, UKM dan Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat.
- Mohd. Zain, Akhmal 2015. *Asas Pengetahuan Agama Islam: Tauhid, Fiqh & Akhlak*. Batu Caves: Al-Hidayah Publisher.
- Nisa', Ririn Choirun, Rahma, Widya, & Chotima, Kusnul. 2014. *Pendidikan Sains dan Teknologi dalam al-Qur'an dan Hadits*. Universitas Islam Negeri Sunan Ampel, Surabaya, Indonesia: Fakultas Ilmu Tarbiyah Dan Keguruan Jurusan Pendidikan Agama Islam Surabaya.
- Nor, Zainal Sayani Amin. 2013. *Ilmu Tauhid*. Selangor: Must Read Sdn Bhd.
- Othman, Mohd Yusof. 2010. *Etika dalam Sains: Tauhidik Berbanding Sekular*. Kertas Kerja dalam Prosiding Bengkel Pengajaran Sains Tauhidik, Kumpulan Penyelidikan Membina Graduan Penyelidikan dalam Sains dan Teknologi. Falkulti Sains dan Teknologi, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Othman, Mohd Yusof. 2014. *Pengenalan Sains Tauhidik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Othman, Mohd Yusof. 2016. *Sains dari Perspektif al-Quran*. Bangi, Selangor: Penerbit UKM.
- Othman, Mohd Yusof 2014. Sains Islam: Mengimbu Zaman Silam, Meneroka Masa Depan *Pendidikan Sains Berteraskan Tauhid*. Bangi: Penerbit UKM.
- Samian, Abdul Latif 2016. *Permasalahan Melayu*. Kertas Kerja dalam Wacana Institut Alam dan Tamadun Melayu. Universiti Kebangsaan.
- Sobian, Azrina. 2014. *Sains dan Nilai*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).

